

HUKUMAN BUANG DAERAH DI MALAYSIA: SATU SOROTAN DARI PERSPEKTIF KEARIFAN LOKAL

Banishment in Malaysia: A Review from the Local Wisdom Perspective

Abdul Samad Abdoll Aziz*

Shahidra Abdul Khalil**

Abdul Karim Ali***

ABSTRACT

Banishment (taghrīb) is one of the many punishments prescribed under Islamic criminal law. It serves as a type of punishment under hudud by the majority of jurists, imposed on unmarried persons for committing adultery, in addition to hundred lashes. In its early implementation, the adulterer whether a man or a woman, will be banished to other districts or countries. However, this punishment was interpreted differently by the Hanafis and Malikis who had expanded it into the form of detention or imprisonment. In the Federation of Malaya (Tanah Melayu), the implementation of the punishment in its conservative form for the same offence was stated in several law manuscripts. However, during the British colonization, these laws were replaced while during

* Postgraduate Student, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, kotakminda@yahoo.com

** Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, shahidra@um.edu.my

*** Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, abdkarim@um.edu.my

the post independence era, some punishments similar to banishments were still in existence and according to current development align to the Hanafis and Malikis. The purpose of this paper is to review the implementation of the banishment law from its original form to its current form which is developed based on Hanafis and Malikis and practised in the Malaysia law. This research used the content analysis and comparative methods in summarizing the data collected from the text and documents. The research suggests that this punishment evolved to different forms as a result of several elements impacted by social, geographical and geopolitical factors. Nonetheless, elements of local wisdom such as considering the appropriateness of the banishment area (locality and social environment) and monitoring of the convicts have influenced the form of punishment. In Malaysia, the law of banishment has been re-accepted for several different offences after being regarded as outdated and irrelevant in modern days. Elements of local wisdom can be seen in its reimplementations with the adaptation of certain technology which enhances its implementation in tandem with the advancement in science and technology. In this case, local wisdom plays a significant role in assuring Islamic laws are relevant regardless of time and place and in accordance to the local context.

Keywords: Banishment, Hudud, Islamic Criminal Law, Local Wisdom

PENDAHULUAN

Hukuman buang daerah adalah salah satu bentuk hukuman yang terdapat di dalam undang-undang jenayah Islam. Ia adalah hukuman yang telah ditetapkan di dalam al-Quran bagi kesalahan merompak iaitu pada ayat 33, Surah al-Ma''idah. Menurut pandangan sebahagian besar fuqaha, hukuman ini diperuntukkan bagi kesalahan menakut-nakutkan mangsa tetapi tidak sampai

kepada tahap mengambil harta dan menghilangkan nyawa. Ia adalah hukuman yang paling ringan bagi kesalahan merompak. Di dalam al-Sunnah pula, hukuman buang daerah diperuntukkan bagi kesalahan zina. Selain daripada dua kesalahan hudud ini, hukuman buang daerah boleh diperuntukkan mengikut pertimbangan pemerintah bagi kesalahan-kesalahan lain sebagai hukuman takzir. Dalam konteks perbincangan dalam makalah ini, skop perbincangan bagi hukuman ini adalah bagi kesalahan zina. Bagi kesalahan ini, hukuman buang daerah adalah sebahagian daripada hukuman hudud yang wajib dilaksanakan oleh pemerintah menurut pandangan jumhur fuqaha daripada kalangan mazhab Mālikī, al-Shāfi‘ī dan Ḥanbalī. Manakala mazhab Ḥanafī pula berpandangan bahawa hukuman ini merupakan hukuman takzir.

Dalam konteks pelaksanaan, bentuk hukuman ini adalah dengan mengasingkan pesalah ke daerah lain seperti yang berlaku pada zaman awal Islam. Begitu juga yang diamalkan di Tanah Melayu seperti yang dikesan dalam Undang-undang Adat seawal tahun 1303 masihi. Namun, seiring dengan perkembangan zaman, pelaksanaan undang-undang ini dalam konteks semasa dilihat tidak lagi sesuai dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Malaysia kini masih mempunyai peruntukan berkaitan dengan hukuman buang daerah. Makalah ini bertujuan menyorot pelaksanaan hukuman buang daerah dalam sejarah perundangan di Tanah Melayu sehingga kini dan menganalisis dinamisme bentuk pelaksanaannya dalam sejarah perundangan Islam dan juga realiti semasa di Malaysia. Perbincangan dimulakan dengan konsep hukuman buang daerah menurut perundangan Islam.

KONSEP HUKUMAN BUANG DAERAH MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

Peruntukan hukuman buang daerah bagi kesalahan zina terkandung di dalam al-Sunnah berdasarkan beberapa riwayat, antaranya sebagaimana yang diriwayatkan daripada Zaid bin Khalid RA, bahawanya Rasulullah SAW bersabda, maksudya:

اَنَّهُ اَمْرَ فِيمَنْ زَنَى، وَلَمْ يُخْصِنْ بِجَلْدٍ مِائَةً، وَتَغْرِيبٌ
عَامٌ

Terjemahan: Sesungguhnya baginda memerintahkan ke atas orang yang berzina dan belum berkahwin (*ghayr muḥṣan*) supaya disebat seratus kali dan dibuang daerah selama setahun (*HR Bukhari dan Muslim*).¹

Selain itu, dalam riwayat ‘Ubadah bin al-Samit RA, Rasulullah SAW telah bersabda:

خُذُوا عَنِّي، خُذُوا عَنِّي، قَدْ جَعَلَ اللَّهُ هُنَّ سَبِيلًا،
الْبَكْرُ بِالْبَكْرِ جَلْدٌ مِائَةٌ وَنَفْيٌ سَنَةٌ

Terjemahan: Ambilah dariku, ambillah dariku (*hukum*), sesungguhnya Allah SWT telah menentukan bagi mereka jalan (*ketetapan*). Dara dengan teruna disebat seratus kali dan dibuang daerah selama setahun (*HR Muslim*).²

Bagi kesalahan zina dalam hadis di atas, hukuman buang daerah diperuntukkan bagi golongan pesalah yang belum pernah berkahwin dan menikmati hubungan seksual yang sah (*ghayr muḥṣan*). Majoriti fuqaha berpendapat bahawa hukuman ini adalah termasuk dalam kategori hudud dan justeru wajib dilaksanakan selama setahun selepas hukuman sebat dikenakan. Walau bagaimanapun, mazhab Ḥanafī berbeza pandangan mengenai status hukuman ini bagi kesalahan zina. Mereka berpandangan bahawa hukuman buang daerah ini adalah di bawah kategori takzir dan bersifat pilihan sahaja. Justeru, pelaksanaannya terpulang kepada pertimbangan hakim.

Dalam hadis di atas, lafaz yang digunakan bagi merujuk kepada hukuman buang daerah adalah lafaz *nafyu* (نَفْي) dan *taghrīb* (تَغْرِيب). Dari sudut bahasa, kalimah *taghrīb* berasal daripada kata akar

¹ Hadis riwayat Bukhari, Kitab *Syahādāt*, bab *Syahādah al-Qādhif wa al-Sāriq wa al-Zānā*, no. hadis 2649. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyāḍ: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 1998), 3: 171.

² Abū al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 701. Lihat juga Abu ‘Īsa at-Tirmidhi, *al-Jāmi‘ al-Kabīr* (Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1998), 3: 96.

gharraba, yugharribu. Ia mengandungi maksud pergi (*dhīhāb*), jauh (*an-nawā wal bu‘du*), hilang dan menjauhi (*tanaḥḥī*).³ Ia juga bermaksud membuang⁴, menyisihkan dan memencarkan.⁵ Manakala kalimah *taghrīb* itu sendiri adalah kata terbitan yang bermaksud penjauhan atau pengusiran.⁶ Ia juga boleh dirujuk sebagai pengusiran seseorang keluar dari negerinya.⁷ Manakala kalimah *nafyu* pula berasal daripada kata akar *nafa*, *yanfi* yang bermaksud menjauhkan (*ab’ada*), usir (*gharraba*), melempar (*taradda*)⁸ dan mencampakkan⁹. Ia juga bermaksud menafikan (*jaḥḥada*), pergi (*dhahaba*)¹⁰, tahan (*habasa*) dan lawan kepada tetap (*did thabata*).¹¹ Selain itu, ia juga bermaksud mengeluarkan (*akhraja*)¹² dan membuang¹³. Berdasarkan pengertian-pengertian yang terkandung di dalam kedua-dua kalimah di atas, boleh disimpulkan bahawa kedua-dua kalimah ini dari sudut bahasa mengandungi maksud mengeluarkan, mengusir, menahan dan mengasingkan.

Daripada pengertian ini, fuqaha mazhab al-Shāfi‘ī dan Ḥanbalī berpandangan bahawa hukuman ini perlu dilaksanakan dengan memindahkan pesalah secara fizikal dari tempat berlakunya jenayah ke tempat lain dalam jangka masa tidak lebih daripada setahun sama ada pesalah tersebut lelaki mahupun

³ Ibn Manzur, *Lisān al-‘Arab* (Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif, t. t.), 1: 638.

⁴ Al-Marbāwī, Muhammad Idris Bin Abdul Rauf, *Qāmūs Idrīs al-Marbāwī* (Miṣr: Dār al-Fikr, 1354 H), 2: 57.

⁵ Hj Othman Hj Khalid, et.al, *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (KL: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015) 1663.

⁶ Ibn Manzur, *Lisān al-‘Arab*, 1: 639.

⁷ Ahmad Mukhtar Abdul Hamid Umar, *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘ashirah* (Qāhirah: ‘Ālam al-Kitāb, 2008), 2: 1602.

⁸ Ibn Manzur, *Lisān al-‘Arab*, 1: 638.

⁹ Hj Othman Hj Khalid, et.al, *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, 2410.

¹⁰ Ibn Manzur, *Lisān al-‘Arab*, 1: 638. 15:336.

¹¹ Al-Muqrī, *Miṣbāh al-Munīr*, 2: 619.

¹² Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah Jumhūriyyah Misr al-‘Arabiyyah, *Al-Mu‘jam al-Wasīt* (Qāhirah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah, 2004), 403.

¹³ Hj Othman Hj Khalid, et.al, *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, 2410.

perempuan.¹⁴ Di tempat buangan tersebut, pesalah tidak perlu ditahan atau dipenjarakan secara fizikal.¹⁵ Sebaliknya, pesalah diletakkan di bawah pengawasan sepanjang tempoh tersebut dan ini menjadikannya seolah-olah berada di dalam tahanan.¹⁶ Pengawasan ini bertujuan memastikan pesalah tidak kembali ke tempat asalnya sebelum tamat tempoh hukuman dan terus kekal berada di tempat tersebut. Menurut pandangan ini, pesalah hanya akan dikurung atau ditahan atas beberapa sebab iaitu (i) sekiranya pengawasan tidak berkesan untuk mengawalnya,¹⁷ (ii) dibimbangi dia akan kembali ke tempat asalnya dan (iii) dibimbangi dia akan mengulangi jenayah yang sama di tempat buangan.¹⁸

Pandangan ini juga disandarkan kepada amalan yang berlaku di zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rashidin. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA,¹⁹ Rasulullah SAW pernah membuang seorang lelaki yang bernama Hayt²⁰ kerana berkelakuan khunsa dan diarahkan supaya ditempatkan di sebuah rumah di *al-Hima*. Hukuman ke atasnya berlanjutan sehingga zaman Khalifah Abu Bakar dan Umar RA.²¹ Khalifah Abu Bakar as-Siddiq pula telah membuang penzina ke Fadak dan Khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb RA pernah mengenakan hukuman buang daerah terhadap

¹⁴ Manṣur bin Yūnus al-Bahūtia, *Kasisyāf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1982), 6: 92.

¹⁵ Al-Maqdisi, Ibn Qudāmah. *Al-Mughnī* (Al-Qāhirah: Hajar, 1992), 8: 169.

¹⁶ Al-Dāmīri, Muhammad Ibn Mūsa Ibn ‘Īsa, *al-Najm al-Wahhāj fī Sharḥ al-Minhāj* (t.tp: Dār al-Minhāj, 2004), 9:119.

¹⁷ Al-Bujayrīmi, *Hāsyiah al-Bujayrīmi ‘Ala Sharḥ Manhāj al-Tullāb* (Turki: al-Maktabah al-Islāmiyyah, t.t.), 4: 212.

¹⁸ Muḥammad bin Aḥmad al-Ramli, *Nihāyat al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003),7: 228, Yaḥya bin Syaraf al-Nawawi, *Rawḍah al-Tālibīn* (al-Riyād: Dār ‘ālam al-Kutub, 2003),10: 89.

¹⁹ Hadis riwayat Sunan at-Tirmizi, Bab *Mā Jā‘a Fī al-Nafyu*, no. hadis 1438. Lihat Abu ‘Īsa at-Tirmidhi, *al-Jāmi‘ al-Kabīr* (Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmi, 1998), 3: 96.

²⁰ Menurut pendapat lain namanya Mati‘ atau Hanab.

²¹ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 1990), 36: 266.

penzina ke Basrah atau Syam. Selain itu, Khalifah Uthman RA pula pernah membuang penzina ke Mesir manakala Khalifah Ali RA pula membuang penzina ke Kufah dan Basrah.²²

Walau bagaimanapun, bentuk pelaksanaan buang daerah ini tidak disepakati oleh semua fuqaha. Mazhab Mālikī berpendapat bahawa setelah dibuang ke daerah lain, pesalah hendaklah ditempatkan di dalam tahanan²³ supaya dia tidak lepas lari.²⁴ Seterusnya, pesalah perempuan pula tidak boleh dibuang daerah memandangkan mereka perlu ditemani mahram dalam perjalannya dan sepanjang dia berada di dalam penjara. Perkara ini mustahil dilaksanakan kerana akan menyebabkan mahramnya juga turut menjalani hukuman tersebut.²⁵ Selain itu, mazhab Ḥanafī juga mempunyai pandangan yang sama dalam erti kata bahawa bahawa hukuman buang daerah adalah berbentuk tahanan atau penjara. Namun, mazhab ini berpandangan bahawa pesalah tidak perlu dibuang ke mukim lain. Tahanan bagi fuqaha mazhab Ḥanafī juga tidak ditetapkan dengan tempoh tertentu kerana bagi mereka ia merupakan hukuman takzir yang tertakluk kepada keputusan hakim.²⁶ Bahkan pesalah boleh dikurung sehingga dia bertaubat.²⁷

Fuqaha yang berpandangan bahawa hukuman buang daerah adalah dalam bentuk tahanan atau penjara ini berhujah dengan tindakan yang dilakukan oleh Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb RA yang

²² ‘Ali bin Muḥammad al-Māwardi, *al-Ḥāwi al-Kabīr fī Fiqh al-Madhhab al-Imām al-Shāfi‘i* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 13:194. Lihat juga Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā & ‘Alī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī ‘ala Madhāhib al-Imām al-Shāfi‘i* (Dimashq: Dār al-Qalam, 1996), 3:1837. Al-Mubārakfūri, *Tuhfat al-Āḥwadhi Bi Sharḥ Jami‘ at-Tirmīdhi* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 4: 592.

²³ Al-Maqdisi, *al-Mughnī*, 8: 169.

²⁴ Sahnūn Bin Sa‘īd al-Tanūkhīy, *al-Mudawwanah al-Kubra* (Saudi: Wizārah al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf wa al-Dā wah wa al-Irsyād, t.t.), 16: 37.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Ibn ‘ābidīn, *Hāsyiyah Radd al-Mukhtār ‘ala al-Durr al-Mukhtār* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1992), 4: 14

²⁷ Shams al-Dīn al-Sarakhsī, *al-Mabsūt* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1978), 9: 45.

telah menghentikan hukuman buang daerah. Tindakan ini berlaku selepas mendapati Nasr bin Hajjaj yang dibuang ke Basrah telah lari ke Rom²⁸ dan Rabi‘ah bin Umayyah yang dibuang ke Khaibar telah meminta perlindungan daripada Harqal, pemerintah Rom ketika itu dan memeluk agama Nasrani.²⁹ Bertitik tolak daripada kejadian tersebut, Khalifah Umar RA telah bersumpah untuk tidak lagi membuang sesiapa selepas itu.³⁰ Ini kerana pelaksanaannya secara konvensional dilihat membawa keburukan berbanding kebaikan terutamanya apabila pesalah gagal dikawal dan diawasi. Khalifah Ali RA pula telah menghentikan pelaksanaan hukuman buang daerah ke atas penzina pada zamannya kerana bimbang tindakan itu akan menjadikan pesalah semakin liar.³¹ Ini bertentangan dengan objektif hukuman hudud yang bertujuan menjauhkan fitnah dan kerosakan.³² Selain itu, beliau juga melihat persekitaran masyarakat pada ketika itu telah rosak. Ini ditambah lagi dengan pengawasan yang sukar dilakukan terhadap pesalah yang menjalani hukuman tersebut.³³ Justeru, tindakan untuk tidak melaksanakan hukuman buang daerah dalam bentuk konvensional dianggap sebagai tindakan yang lebih tepat untuk mengelakkan fitnah dan kerosakan.³⁴ Seterusnya mereka juga berhujah bahawa hukuman buang daerah yang dikenakan oleh Rasulullah SAW ke atas penzina dibuat pada ketika masyarakat Arab masih baru menerima Islam dan meninggalkan kehidupan jahiliyyah. Dalam keadaan tersebut, hukuman ini dilihat berkesan untuk menghalang

²⁸ al-Zayla‘i, *Tabyīn al-Ḥaqā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq* (Miṣr: al-Maṭba‘ah al-Kubra al-Emīriyyah, 1313H), 3:174.

²⁹ Ibn ‘Abd al-Bar, *Al-Tamhīd li ma fi al-Muwaṭṭa’ min al-Ma‘āni wa al-Asānid* (Maghribi: Wizārah ‘Umūm al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 1387 h), 9: 89. Lihat juga Ibn ‘ābidīn, *Hāsyiyah Radd al-Mukhtār*, 4: 14.

³⁰ *Ibid.*

³¹ al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 9: 44.

³² Ibn Nujaym, *Baḥr al-Rā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 5: 11.

³³ Qal‘ah Jī, Muhammad Rawas, *Mawsū‘ah Fiqh ‘Ali Bin Abi Ṭālib* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1983), 322

³⁴ al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 9: 44.

pesalah daripada mengulangi perbuatan tersebut dan dapat mencegah masyarakat daripada melakukannya.³⁵

Perbezaan mengenai kaedah pelaksanaan hukuman buang daerah di antara fuqaha al-Shāfi‘ī-Hanbalī dan Mālikī-Hanafī ini bukan sahaja disebabkan oleh kaedah istimbat hukum yang diaplikasikan oleh setiap mazhab, bahkan ia juga disebabkan oleh pertimbangan mereka terhadap objektif hukuman ini serta mekanisme yang paling sesuai untuk mencapainya. Objektif daripada pelaksanaan hukuman ini ialah menghalang dan menjauhkan penzina daripada perbuatan zina.³⁶ Ia juga bertujuan menjadikan penzina merasa terasing³⁷ kerana berjauhan daripada keluarga dan kampung halamannya³⁸ supaya timbul rasa serik dan terseksa dengan pengasingan tersebut.³⁹ Dengan memutuskan hubungan pesalah dengan keluarga, anak-anak dan persekitaran biasa kehidupannya ketika menjalani hukuman, pesalah akan merasa terhina dengan perbuatan yang telah dilakukan.⁴⁰ Kesukaran dalam tempoh sepanjang hukuman ini diharap dapat memberi kesan kepada pesalah agar berubah selain bertujuan membuatkannya melupakan apa yang mempengaruhi tingkah lakunya di tempat berlakunya perzinaan.⁴¹

Selain daripada itu, hukuman ini juga bertujuan menyekat sebab-sebab yang mendorong seseorang itu berzina iaitu pergaulan bebas. Seseorang yang terjebak dalam perzinaan biasanya bermula

³⁵ Abu Bakr Alḥmad Bin ‘Ali al-Rāzi Al-Jaṣṣāṣ, *Aḥkām al-Qur’ān* (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi), 5: 96.

³⁶ Abī Bakr ‘Uthmān Muhammad Shāṭa‘ al-Dīmīyatī al-Bākrī, *Hāshiyah I‘ānah al-Tālibīn* (t.t.p.: Dār al-Kutub al-‘Arabiyyah, 1996), 4: 143. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *al-Iqnā‘ fi Ḥill Alfāż Abi Syujā‘* (Bangkok: Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad al-Nahri wa Awlādihi, t.t.), 2:522.

³⁷ Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ila Ma‘rifat Ma‘āni Alfāż al-Minhāj* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1997), 4: 148

³⁸ Al-Sharbīnī al-Khaṭīb, *al-Iqnā‘*, 2:522.

³⁹ Abū Ishaq Ibnu Ibrāhīm al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab* (t.t.p: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 271.

⁴⁰ Muḥammad al-Dusūqi, *Hāsyiyah al-Dusūqi ‘Ala Sharḥ al-Kabīr* (Qāhirah: Dār al-Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), 4:322.

⁴¹ Ibn ‘Uthaymīn, *al-Sharḥ al-Mumti‘ ‘Ala Zād al-Mustaqnī* (Arab Saudi: Dār Ibn al-Jauzi, 1427H), 14:236.

daripada pergaulan kemudian diikuti dengan hubungan yang lebih rapat dan mesra.⁴² Oleh itu, punca yang boleh membawa kepada perzinaan dapat disekat dengan mengasingkannya dan menempatkannya di tempat yang jauh daripada unsur-unsur tersebut.⁴³ Keterasingan juga boleh menjadikannya sibuk dengan urusan peribadinya sehingga menyebabkan tiada peluang untuk melibatkan diri dengan anasir berkaitan nafsu dan syahwat.⁴⁴ Terdapat kemungkinan bahawa perbuatan zina terjadi kesan daripada faktor timbal balik di mana penzina itu sendiri yang menjadi faktor penyebab masyarakat sekelilingnya terjebak dalam perbuatan ini dan mungkin juga masyarakat sekelilingnya yang menjadi faktor penyebab dia terjebak dalam perbuatan hina ini. Al-Zaila'i mengulas hal ini dengan menyatakan bahawa zina biasanya berhasil akibat daripada percampuran dan pergaulan dengan masyarakat. Oleh itu penzina perlu dipisahkan dan dibuang ke tempat lain bagi menyekat faktor penyebabnya. Ini seumpama menghukum pencuri dengan memotong tangannya yang menjadi alat bagi dia mengambil harta orang lain.⁴⁵

Pelaksanaan hukuman buang daerah ini juga bertujuan melindungi pesalah daripada masalah berbangkit. Ini kerana sekiranya dia masih kekal di tempat itu, masyarakat akan mengeji dan memandang hina terhadapnya ke mana sahaja dia pergi. Cara ini juga dapat memelihara masyarakat daripada dosa kerana memandang hina ke atasnya. Dengan kata lain cara hukuman ini dilaksanakan dapat memberi kebaikan kepada penzina dan juga masyarakat.⁴⁶ Mengulas lanjut mengenai perkara ini Sheikh Muhammad Abu Zahrah menyatakan:

“...hukuman sebat dilaksanakan secara terbuka dengan disaksikan oleh orang ramai ... menjadikannya dikenali ramai di mana setiap jari sudah tentu akan menuding ke arahnya apabila dia berjalan atau

⁴² al-Zayla'i, *Tabyīn al-Haqā'iq*, 3: 174.

⁴³ al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 9:44.

⁴⁴ Ibn 'Uthaymīn, *al-Sharḥ al-Mumti'*, 14: 236.

⁴⁵ al-Zayla'i, *Tabyīn al-Haqā'iq*, 3:174.

⁴⁶ al-Jazīrī, 'Abd al-Rahmān Bin Muḥammad 'Awd, *Kitāb al-Fiqh 'Ala al-Madhahīb al-Arba'ah* (Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1998), 5:57.

singgah di mana-mana. Sensitiviti ini akan menghalangnya daripada melakukan jenayah serta membangkitkan rasa hina dan keji dalam dirinya setiap kali dia melintasi orang ramai. Walau bagaimanapun, rasa terhina ini juga boleh mengundangnya mengulangi jenayah dengan mudah. Dengan sebab ini, Nabi SAW pernah melarang para sahabat daripada mengeji penjenayah yang telah menjalani hukuman ... Oleh itu, dia dibuang daerah selama setahun agar masyarakat melupakan kesalahannya dan memulihkan suasana yang keruh sehingga dia dapat menjalani kehidupannya kembali dengan penuh kehormatan dan harmoni.”⁴⁷

Berdasarkan huraian-huraian di atas, objektif hukuman buang daerah ke atas penzina dapat disimpulkan kepada dua objektif utama. Pertama, mencegah dan menyekat berulangnya jenayah zina sama ada daripada penzina atau anggota masyarakat yang berpunca daripada faktor pergaulan bebas. Kedua, memulihkan penzina melalui kesan-kesan psikologi yang berhasil disebabkan keterasingan daripada persekitaran yang biasa bagi mereka supaya timbul kesedaran dan keinsafan di dalam diri mereka untuk berubah.

PELAKSANAAN HUKUMAN BUANG DAERAH DI TANAH MELAYU – MALAYSIA

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu bukan sahaja membawa ajaran-ajaran berkaitan soal ibadat, bahkan juga merangkumi hukum hakam dalam aspek jenayah dan hukumannya. Walaupun terdapat bukti yang menunjukkan bahawa Islam telah tiba ke negara ini sekitar abad ketiga Hijrah, iaitu abad ke-10 Masihi, namun kenyataan paling awal mengenai pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia adalah berdasarkan catatan di batu bersurat yang ditemui di Kuala Berang, Terengganu dalam tahun 1898 Masihi. Mengenai kesalahan dan hukuman ke atas

⁴⁷ Muḥammad Abu Zahrah, *al-Jarīmah wa al-‘Uqūbah: al-‘Uqūbah* (Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.t.), 75.

penzina, inskripsi yang bertarikh 17 Rejab 702 Hijrah bersamaan 22 Februari 1303 Masihi⁴⁸ itu mencatatkan:

“Orang berbuat balacara lelaki perempuan satitah; Dewata Mulia Raya jika merdeka bujang palu; se-ratus ratun. Jika merdeka beristeri; atau perempuan bersuami ditanam hinggakan; pinggang dihembal-ang dengan batu matikan.”

Sementara catatan paling awal yang menunjukkan pelaksanaan hukuman buang daerah bagi kesalahan zina di negara ini dalam bentuk undang-undang dapat dikesan di dalam Hukum Kanun Melaka (HKM) yang dibuat semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah.⁴⁹ Dalam kanun tersebut yang disusun oleh Sri Nara Diraja atas perintah sultan, terdapat catatan mengenai hukuman buang daerah. Fasal yang ke-40 merekodkan:

“Fasal yang keempat puluh pada menyatakan hukum zinah itu atas dua perkara: suatu muhsan namanya, laki-laki atau perempuan yang sedang bersuami dengan nikah yang sah. Dan tiada muhsan laki-laki yang tiada beristeri dan perempuan yang boleh bersuami. Bermula yang muhsan itu dihukum direjam dan dilontar dengan batu hingga mati. Maka ghair muhsan hadnya didera seratus kali palu, dibuangkan keluar negeri itu setahun lamanya.”⁵⁰

Selain HKM, Kanun Johor 1789 yang dibentuk sejak tahun 1523 juga memperuntukkan hukuman buang daerah bagi kesalahan zina. Di dalam kanun tersebut dinyatakan:

“Bermula peri hal zina dua perkara (satu) muhsan namanya laki-laki atau perempuan sudah suami dengan nikah yang sah dan muhsan lagi boleh beristeri perempuan yang boleh bersuami dan yang muhsan

⁴⁸ Abdul Kadir Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1996), 2.

⁴⁹ Memerintah antara tahun 1446 hingga 1456 M.

⁵⁰ Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka* (The Hague: Koninklijk Instituut, 1976), 158-160. Lihat juga Abu Hassan Syam, *Hukum Kanun Melaka* (Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 1995), 107.

*hukumnya direjamkan dilontar dengan batu dibunuh
dilontar dengan batu dan yang tiada muhsan hadnya
seratus palu dan dibuangkan diri negeri itu setahun
lamanya... ”⁵¹*

Manakala Hukum Kanun Pahang (HKP) yang ditulis pada tahun 1596 semasa Sultan Abdul Ghafur Muhyuddin (1592-1616) memerintah Pahang juga memperuntukkan hukuman buang daerah bagi kesalahan zina. Dalam fasal ke-49 dinyatakan:

*“... bermula yang muhsin itu hukumnya direjam
dilontar dengan batu dan ditanamkan hingga ping-
gang dan pada suatu riwayat hingga leher... bermula
yang tiada muhsin itu, hukumnya dipalu seratus,
maka dibuangkan daripada negeri itu setahun la-
manya.”⁵²*

Selepas Inggeris menguasai Tanah Melayu, penulisan undang-undang bertulis telah dimulakan. Sebaik berlaku penjajahan, pihak Inggeris telah melaksanakan beberapa langkah yang sedikit demi sedikit menghapuskan undang-undang Islam termasuk undang-undang jenayah. Bermula dengan memperkenalkan Piagam Keadilan (Charter of Justice) pada tahun 1807 sehingga lah terlaksananya Ordinan Undang-Undang Sivil pada tahun 1956, undang-undang jenayah Islam telah tersingkir sama sekali daripada kedudukannya sebagai undang-undang negara.⁵³ Apa yang pasti, selepas Inggeris campur tangan dalam hal ehwal perundangan di negeri-negeri di Tanah Melayu pada ketika itu, hukuman buang daerah bagi kesalahan zina dalam bentuk pembuangan biasa

⁵¹ Nurul Ilyana Muhd Adnan, “Analisis Teks Kanun Johor 1789 Berasaskan Perspektif Hukum Islam” (Disertasi Sarjana Universiti Malaya, 2005), 57.

⁵² Zanariah Dimon, “Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia,” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2004), 13. Lihat juga John E. Kempee dan R.O Winstedt (1948), “A Malay Legal Digest Compiled For ‘Abd al-Ghafur Muhyu’d-din Shah Sultan Of Pahang 1592-1614 A.D With Undated Edition, JMBRAS, Vol. 21, No. 1 (144) (April 1948), 16.

⁵³ Paizah Hj Ismail, “Kedudukan Mazhab Syafi’i dalam Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia,” *Jurnal Fiqh* 4 (2007), 242.

seperti yang wujud pada era sebelum itu telah dimansuhkan. Ia pada umumnya telah digantikan dengan hukuman penjara dalam tempoh yang tertentu.

Walaupun hukuman buang daerah dalam bentuk pembuangan biasa bagi kesalahan jenayah Islam seperti zina tidak lagi dilaksanakan sejak Inggeris menjajah Tanah Melayu, namun hukuman berbentuk pembuangan seseorang pesalah sebenarnya masih lagi dilaksanakan dalam kesalahan-kesalahan lain. Misalnya di Singapura, Sir Stamford Raffles telah menggubal satu undang-undang yang melarang aktiviti perjudian dan laga ayam seperti yang tertera dalam *Regulation, No. IV of 1823* yang memperuntukkan hukuman buang negeri di samping hukuman sebat.⁵⁴ Semasa era penentangan orang-orang Melayu terhadap kuasa asing seperti Inggeris dan Siam, hukuman seperti ini juga telah dijalankan. Contohnya Tunku Muhammad Saad yang mengetuai penentangan terhadap pendudukan Siam di Kedah telah dibuang ke Culcutta, India atas dakwaan melakukan aktiviti pelanunan sekitar tahun 1842.⁵⁵ Di Perak, Sultan Ismail dan Panglima Perang Semaun dibuang ke Sekudai, Johor selepas pembunuhan J.W.W Birch pada tahun 1875. Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim Jaafar, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Shahbandar Uda Mahamor pula dibuang ke Pulau Seychelles. Haji Abdul Rahman Limpong yang menentang penjajahan Inggeris di Terengganu juga telah dibuang ke Mekah sekitar tahun 1928.⁵⁶ Pada tahun 1888, pihak British telah meminda Ordinan Mencegah Jenayah 1880 dan menamakannya sebagai Ordinan Buang Negeri (*Banishment Ordinance*) yang memperuntukkan hukuman buang negeri ke atas mana-mana penjenayah atau kutu rayau (*vagrant*) yang melakukan

⁵⁴ The Asiatic Journal And Monthly Register For British India And Its Dependencies, Vol XVI (July To December 1823) (London: Cox And Baylis, 1823), 554.

⁵⁵ Abdullah Ghazali, “Pribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan di Malaysia”, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia (23), 1995), 13.

⁵⁶ Abdullah Ghazali, “Sejarah Malaysia: Sorotan Masa Lalu, Iktibar Hari Ini dan Akan Datang”, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, (35) 2007), 16.

jenayah di Negeri-Negeri Selat sekiranya didapati ada alasan yang kukuh untuk berbuat demikian.⁵⁷

Apabila Tanah Melayu menghadapi ancaman komunis, satu akta yang dinamakan sebagai Akta Kediaman Terhad 1933 (AKT) telah diluluskan di bawah pentadbiran British. Akta ini merupakan antara undang-undang terawal yang memasukkan elemen buang daerah dan terpakai sehingga negara merdeka. Akta ini membolehkan seseorang diperintahkan tinggal di satu-satu kawasan yang telah dihadkan melalui arahan yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri tanpa melalui proses mahkamah. Ia diwujudkan untuk menyekat penjenayah atau individu tertentu daripada masuk atau keluar daripada kawasan yang telah dihadkan.⁵⁸ Sekatan ini dikenali sebagai buang daerah. Selain itu, elemen buang daerah juga diperuntukkan di dalam Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

Pada 15 September 2011, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Y.A.B Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah mengumumkan pemansuhan Ordinan Darurat 1969 dan ISA. Selain itu, kajian terhadap AKT juga dijalankan.⁵⁹ Beliau seterusnya telah membentangkan cadangan pemansuhan AKT di Parlimen pada 5 Oktober 2011⁶⁰ dan seterusnya pemansuhan

⁵⁷ Nordin Hussin, Shakimah Che Hasbullah, “Pentadbiran Kolonial Inggeris di Negeri-Negeri Selat dan Usaha Membentras Jenayah,” *Malaysian Journal of Society and Space* (2011), 143.

⁵⁸ Restricted Residence Act 1933 (Revised 1989), laman sesawang [commonlii.org](http://www.commonlii.org/), dicapai pada 27 Nov 2016, http://www.commonlii.org/my/legis/consol_act/rra19331989280/

⁵⁹ “Pemansuhan Akta Kediaman Terhad” laman sesawang [najibrazak.com](http://www.najibrazak.com), dicapai pada 27 Nov 2016, <https://www.najibrazak.com/bm/speeches/pemansuhan-akta-kediaman-terhad/>

⁶⁰ “Kenyataan-Media-Kenyataan-Kpn-Berkaitan-Pemansuhan-Akta-Kediaman-Terhad-1933”, laman sesawang [rmp.gov.my](http://www.rmp.gov.my), dicapai pada 27 Nov 2016, <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2014/08/06/kenyataan-media-kenyataan-kpn-berkaitan-pemansuhan-akta-kediaman-terhad-1933>

akta tersebut diwartakan pada 30 Disember 2011.⁶¹ Pemansuhan akta-akta tersebut dilakukan kerana didorong oleh faktor-faktor perubahan sosiopolitik dan sosioekonomi yang berkembang pesat dan menyebabkan pelaksanaannya dilihat lapuk ditelan zaman.⁶² Menurut Dato' Seri Mohd Najib, pemansuhannya juga mengambil kira prinsip demokrasi dan keadilan serta kemajuan ICT dan urbanisasi. Ini kerana walaupun seseorang penjenayah dibuang daerah pada ketika ini, dia masih boleh berhubung dengan rakan-rakan jenayahnya melalui telefon dan berkomunikasi menggunakan internet.⁶³ Justeru, penilaian semula dan penggubalan akta baru perlu dilakukan bagi masalah yang berbangkit daripada pelaksanaan akta-akta terdahulu. Namun, apabila wujud desakan oleh pelbagai pihak⁶⁴ supaya kerajaan mengkaji semula akta-akta yang telah dimansuhkan, kerajaan pada ketika itu telah mengambil keputusan untuk meminda POCA dengan mengekalkan elemen buang daerah di dalamnya dengan beberapa penambahbaikan.

⁶¹ “Pemansuhan Akta Kediaman Terhad”, laman sesawang *agc.gov.my*, dicapai pada 27 Nov 2016, http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/EN/Akta%20734%20%20PPPUU%20Lulus%2029_2_2016.pdf.

⁶² “Pemansuhan-Akta-Kediaman-Terhad”, dicapai pada 23 Nov 2016, <https://www.najibrazak.com/bm/speeches/> pemansuhan akta-kediaman-terhad/

⁶³ “Buang daerah hukuman lapuk: Kerajaan diminta kaji semula pelaksanaan ekoran kemajuan ICT”, dicapai pada 22 Nov 2016, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0509&pub=Utusan_Malaysia&&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01htm#ixzz5PE2FCZpJ

⁶⁴ Ini kerana kadar jenayah selepas pemansuhan akta-akta tersebut telah dilaporkan meningkat. Terdapat laporan yang menunjukkan bahawa penjenayah yang telah dibebaskan akibat pemansuhan akta terbabit telah ditangkap semula kerana didapati kembali mengulangi kesalahan yang pernah dilakukan sebelum ini. Lihat “Undang-Undang Baru Dirangka”, dicapai pada 25 Nov 2016, <http://www.barisannasional.org.my/news/undang-undang-baru-dirangka>. Lihat juga Penyata Rasmi Dewan Rakyat (17.04.2014), 94 dan “Salah Eo Atau Kebetulan”, dicapai pada 24 Nov 2016, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/salah-eo-atau-kebetulan-1.189203>

KEARIFAN LOKAL DALAM PELAKSANAAN HUKUMAN BUANG DAERAH

Bagi memastikan objektif hukuman buang daerah dapat dicapai, kebijaksanaan yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat yang berkaitan dengan persekitaran hidupnya haruslah dimanfaatkan. Dalam erti kata lain, penyesuaian bagi membolehkan hukuman dilaksanakan secara efektif bergantung kepada kearifan lokal masyarakat tersebut. Ini kerana pelaksanaan hukuman ini banyak dipengaruhi oleh keadaan persekitaran di mana ia dilaksanakan. Nilai-nilai atau kepercayaan yang telah dipegang dan diamalkan oleh sesebuah masyarakat secara bersama inilah yang mencorakkan cara masyarakat tersebut menyusun kehidupannya. Nilai-nilai tersebut bukan sahaja merujuk kepada amalan agama dan bahasa sesebuah masyarakat, namun ianya juga boleh merujuk kepada adat resam dan amalan tradisi.⁶⁵ Keberkesanannya pelaksanaan hukuman buang daerah bukan sahaja bergantung kepada cara pelaksanaannya tetapi turut juga didokong oleh kearifan lokal yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, penulisan seterusnya akan menyingkapai elemen-elemen kearifan lokal yang mendokong setiap satu cara pelaksanaan hukuman ini sehingga ia dilihat relevan dan menyokong objektif hukuman itu sendiri. Walau bagaimanapun, penulisan ini akan mefokuskan elemen kearifan lokal masyarakat dalam mempertimbangkan dua faktor pelaksanaan hukuman ini iaitu a) kesesuaian lokaliti tempat buangan dan keadaan sosialnya dan b) elemen pengawasan.

KESESUAIAN LOKALITI DAN KEADAAN SOSIO-BUDAYA MASYARAKAT

Kesesuaian lokasi hukuman dan keadaan sosial masyarakatnya perlu dititikberatkan sebelum hukuman buang daerah dilaksanakan bagi memastikan objektifnya tercapai. Ini kerana pemulihan pesalah amat bergantung kepada unsur-unsur tempatan

⁶⁵ Mohd Izzuddin Ramli dan Mohamad Zaini Abu Bakar, “Kearifan Tempatan dalam Institusi Sekolah Pondok: Kajian Kes Malaysia” (Makalah, Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2013, “Memperkuatkan Kearifan Tempatan Ke Arah Pengantarabangsaan”, Sutra Beach Resort, Terengganu, 6-7 Oktober 2013) 9.

ini melalui asimilasi pesalah ke dalam masyarakat baru. Dalam erti kata lain, tempat buangan perlulah jauh daripada anasir-anasir yang boleh mendorong kepada perlakuan jenayah semula. Misalnya jika terdapat sarang perzinaan di tempat tersebut seperti kawasan pelacuran maka lokasi tersebut tidak sesuai dengan objektif hukuman. Penzina seharusnya dibuang ke lokasi di mana masyarakatnya mengamalkan gaya hidup yang berakhhlak mulia dan menjauhi perbuatan zina.⁶⁶ Ini dapat mendorong kepada kesedaran dan keinsafan di dalam diri pesalah tersebut yang menjadi faktor penting kepada aspek pemulihannya.

Justeru, sekiranya keadaan sosial masyarakat telah berubah, pendekatan pencegahan dan pemulihan pesalah juga seharusnya berubah. Sebagaimana sesuatu hukum ditentukan oleh ‘illahnya, hukum tersebut juga turut menerima perubahan apabila ‘illahnya berubah. Hasil kefahaman para fuqaha Mālikī dan Ḥanafī terhadap unsur tempatan yang wujud di dalam persekitaran mereka, mereka mendapati cara pelaksanaan buang daerah secara konvensional tidak lagi mampu mencapai objektifnya kerana berlaku kerosakan kepada instrumen pencegahan dan pemulihan pesalah yang dibuang daerah. Ini telah mendorong mereka beralih kepada tafsiran yang menjurus kepada tahanan dan penjara memandangkan kaedah ini dapat memastikan pencegahan dan pemulihannya dapat dicapai. Hakikatnya mentafsirkan hukuman buang daerah dengan maksud penjara masih tidak menyimpang daripada makna yang terkandung dalam kalimah *taghrīb* atau *nafyu* sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

Dalam perspektif ini, kerosakan akhlak masyarakat telah mengubah elemen yang sangat penting kepada pencapaian objektif. Hal ini bukan sahaja baru berlaku tetapi telah terjadi sejak zaman pemerintahan Khulafa’ al-Rasyidin. Ketika Ali RA menjadi khalifah keempat dan memindahkan pusat pentadbirannya daripada Hijaz ke Iraq, beliau mendapati penduduk di sana telah mengalami kerosakan akhlak yang sangat berbeza daripada keadaannya dengan masyarakat Hijaz. Apabila beliau melaksanakan hukuman buang daerah terhadap penzina, keadaan mereka menjadi lebih buruk sehingga memaksanya menghentikan pelaksanaan hukuman ini. Ternyata keadaan sosial

⁶⁶ Ibn ‘Uthaymīn, *al-Sharh al-Mumti*, 14: 236.

masyarakat di kedua-dua kawasan sangat berbeza. Masyarakat Hijaz mendapat didikan terus daripada Rasulullah SAW sehingga menjadi para pembela Islam yang berakhhlak mulia. Sedangkan masyarakat Iraq pula adalah persekitaran yang rosak dan agak jauh daripada kehidupan Islam yang sebenar. Dengan itu beliau telah melaksanakan maksud utama hukuman ini iaitu mengasingkan penzina daripada masyarakat dengan memenjarakan mereka.⁶⁷

Keadaan yang dihadapi oleh Ali RA selaku khalifah ketika itu juga telah dialami oleh para fuqaha selepasnya. Walaupun kedua-dua aliran al-Shāfi‘ī-Hanbalī dan Mālikī -Hanafī bersetuju yang faktor pergaulan bebas dengan masyarakatlah yang menjadi punca berlakunya perbuatan zina, namun di satu pihak berpendapat untuk mencegah jenayah zina daripada berulang penzina tidak seharusnya dibiarkan bergaul bebas dengan masyarakat. Oleh itu, punca yang boleh membawa kepada perzinaan dapat disekat dengan mengasingkannya dan menempatkannya di tempat yang jauh daripada unsur-unsur tersebut.⁶⁸ Dia dibuang ke daerah lain bagi memutuskan sementara hubungannya dengan keluarga, anak-anaknya dan kebiasaan hidupnya⁶⁹ bagi menjadikannya merasa terasing, serik dan terseksa dengan pengasingan tersebut.⁷⁰

Sementara satu pihak lagi berpendapat penzina perlu diasingkan terus daripada masyarakat dengan cara ditahan atau dipenjarakan kerana membuang mereka ke daerah lain hanya akan mendedahkan pesalah kepada risiko yang sama. Mereka melihat keadaan sosial sedia ada tidak memungkinkan hukuman ini dilaksanakan secara konvensional lagi kerana cara tersebut sudah tidak mampu lagi mencapai tujuan hukuman ini sepertimana yang diutarakan oleh golongan al-Shāfi‘ī dan Hanbalī. Ini kerana apabila penzina berada berjauhan daripada keluarga dan kaum kerabatnya, dia akan hilang perasaan malu yang akan mendorongnya berzina semula.⁷¹ Berasaskan ini, golongan Mālikī dan Hanafī berujah bahawa

⁶⁷ Muhammad Firdaus Nurul Huda, *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam* (Selangor: Thinker’s Library, 2002), 220.

⁶⁸ al-Sarakhsi, *al-Mabsūt*, 9: 44.

⁶⁹ Muhammad al-Dusūqi, *Hāsyiyah al-Dusūqi*, 4: 322.

⁷⁰ Abu Ishāq Ibn Ibrāhīm al-Shirāzi, *al-Muhadhdhab* (t.t.p: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 271.

⁷¹ al-Zayla‘ī, *Tabyīn al-Haqā‘iq*, 3: 174

pelaksanaannya dalam bentuk tersebut boleh menyebabkan kesan yang berlawanan. Ibn Abidin mengatakan:

“Melaksanakan penahanan terhadap pesalah lebih baik daripada membuangnya... kerana yang dimaksudkan daripada pelaksanaan hudud adalah untuk mencegah kerosakan, sedangkan pintu kerosakan terbuka dalam pelaksanaan hukuman buang daerah seperitimana yang anda telah maklum. Ini berlawanan dan bercanggah dengan tujuan yang diharapkan daripadanya oleh syarak.”⁷²

Bagi penzina perempuan pula, hidup terasing akan menjadikannya bebas daripada belenggu dan sekatan yang menyebabkan hilang rasa malu yang boleh membawanya kepada perzinaan semula.⁷³ Mengulas lanjut mengenai perkara ini, al-Zaila'i menjelaskan:

“apabila seorang perempuan berada jauh daripada keluarga dan sanak saudara, perasaan malunya akan hilang. Apabila dia terpaksa tinggal di situ, keputusan sara hidup akan mendesaknya menjadikan pelacuran sebagai punca pendapatannya. Masalah ini timbul kerana hilangnya perasaan malu. Zina yang berlaku dalam bentuk ini adalah seburuk-buruk perzinaan kerana dilakukan secara terang-terangan.”⁷⁴

Atas sebab-sebab inilah, penzina patut ditahan kerana tahanan lebih baik dan lebih berkesan untuk menghalangnya berbanding mengasingkannya ke tempat lain.⁷⁵ Dalam konteks Malaysia, Fadilah Hj. Abd. Rahman berpendapat hukuman penjara adalah cara yang lebih praktikal bagi menjalankan hukuman buang daerah. Pengasingan pesalah secara fizikal ke daerah lain tidak

⁷² Ibn ‘Ābidīn, *Hāsyiyah Radd al-Mukhtār*, 4: 41.

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ al-Zayla'i, *Tabyīn al-Haqā'iq*, 5: 11, Burhānuddin Abu al-Hasan ‘Ali al-Marghiyāni, *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadi* (Pakistan: Idārah al-Qur‘ān wa al-‘Ulūm al-Islāmiyyah), 4: 94.

⁷⁵ Ibn ‘Ābidīn, *Hāsyiyah Radd al-Mukhtār*, 4: 14.

lagi sesuai kerana faktor-faktor geografi, sosiologi dan sempadan negara yang wujud pada hari ini. Beliau juga menegaskan bahawa dengan sedikit penyesuaian kepada konteks realiti pada hari ini, hukuman penjara dapat memenuhi maksud hukuman ini yang bersifat *maqāṣidi* kerana ia dilihat mampu mencapai objektifnya.⁷⁶

Manakala di dalam POCA, mereka yang dikenakan perintah buang daerah tidak akan dibuang ke tempat asalnya atau tempat di mana berlakunya jenayah melainkan dalam kes-kes tertentu seperti yang melibatkan faktor kesihatan. Kebiasaannya mereka akan dibuang ke lokasi yang jauh daripada rakan sindiket dan sarang jenayah mereka. Manakala dalam menentukan tempat buangan, jenis jenayah yang dilakukan akan diambil kira. Misalnya dalam kes sindiket mencuri lembu, pesalah tidak dibuang di tempat yang terdapat banyak lembu. Begitu juga dalam kes sindiket kecurian kabel elektrik, mereka tidak dibuang ke kawasan yang mempunyai banyak pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi mengelakkan kejadian jenayah berulang.

ELEMEN PENGAWASAN

Elemen pengawasan adalah elemen terpenting dalam pelaksanaan hukuman buang daerah kerana lokasi yang sesuai belum tentu menjamin objektif hukuman buang daerah tercapai. Tanpa pengawasan yang berkesan, keadaan yang lebih buruk boleh berlaku. Sebaliknya, jika pengawasan dapat dilakukan dengan berkesan, masalah pengaruh keadaan masyarakat yang rosak di lokasi hukuman terhadap pesalah yang menjalani hukuman juga dapat diatasi. Namun kaedah pengawasan mungkin berbeza-beza dari satu zaman ke zaman yang lain. Contohnya ketika Rasulullah SAW membuang Hayt⁷⁷ ke al-Hima, dia telah melaksanakan perintah tersebut tanpa ada pengawal yang mengawasinya sepanjang masa dia berada di situ. Pengawasan ke atasnya didokong oleh nilai ketaatan kepada pemerintah dan

⁷⁶ Fadilah Hj. Abd. Rahman, “Hukuman Buang Daerah Berdasarkan Realiti Hari Ini,” *Jurnal Fikrah* 2 (1999), 107-116.

⁷⁷ Menurut pendapat lain namanya Mati’ atau Hanab.

keinginan untuk bertaubat yang dilihat masih lagi kukuh pada zaman tersebut. Hal ini bukanlah sesuatu yang asing pada zaman tersebut. Terdapat banyak kes yang menunjukkan nilai-nilai ini masih terpasak kukuh dalam dada para sahabat. Bahkan dalam kes zina, senario ini dapat dilihat jelas sebagaimana dalam kes Maiz yang telah membuat perakuan di hadapan Rasulullah SAW. Hayt sendiri masih lagi akur dengan perintah yang dikenakan ke atasnya walaupun selepas kewafatan Rasulullah SAW. Dia terus tinggal di situ sehingga zaman Khalifah Abu Bakar dan Umar RA.⁷⁸ Apabila dia mengadu tentang kesempitan hidupnya, dia kemudiannya telah dibenarkan memasuki Madinah pada setiap hari Jumaat untuk berjual beli.⁷⁹

Walau bagaimanapun, selepas kewafatan Rasulullah SAW, nilai ketaatan kepada pemerintah telah mula terhakis dan memberi kesan kepada elemen pengawasan dalam pelaksanaan hukuman buang daerah. Kes Nasr bin Hajjaj dan Rabi'ah bin Umayyah yang lari ke Rom ketika diperintahkan menjalani hukuman buang daerah⁸⁰ telah menunjukkan bahawa elemen pengawasan ke atas mereka berasaskan nilai akhlak dan keimanan sudah semakin pudar sehingga memaksa khalfah menghentikan pelaksanaan hukuman ini secara konvensional. Kesukaran untuk mengawasi pesalah pada ketika itu juga akhirnya menyebabkan Khalifah Umar dan Ali RA memutuskan untuk menghentikan pelaksanaan hukuman dalam bentuk konvensional dan memilih hukuman berbentuk tahanan.

Penyelesaian terhadap isu pengawasan ini dibincangkan oleh para fuqaha sesuai dengan konteks zaman mereka. Fuqaha al-Shāfi'i dan Hanbalī contohnya telah mensyaratkan bahawa pesalah

⁷⁸ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'aḥ al-Fiqhīyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1990), 36: 266.

⁷⁹ Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'i, *al-Umm* (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā', 2001), 6: 158.

⁸⁰ Al-Zayla'i, *Tabyīn al-Haqā'iq*, 3: 174.

yang dibuang daerah boleh dikurung atau ditahan⁸¹ sekiranya pengawasan tidak berkesan untuk mencegahnya daripada mengulangi jenayah di tempat ia dibuang atau menghalangnya daripada kembali ke tempat asalnya.⁸² Selain itu, penyelesaian yang dicadangkan oleh sarjana Muslim dalam konteks semasa ialah memastikan lokasi hukuman yang bersesuaian. Daerah atau mukim yang dipilih sebagai tempat hukuman mestilah dipastikan dapat memudahkan pengawasan dilakukan. Ianya tidak boleh melampaui had kawasan negara lain memandangkan negara-negara di dunia kini telah dibatasi dengan sempadan. Bahkan membuang pesalah ke luar dari sempadan sesebuah negara Islam bererti mengeluarkan pesalah dari bidang kuasa negara tersebut. Dengan mengambil kira kemajuan teknologi dan pengangkutan pada hari ini, tindakan seperti itu boleh mengundang pelbagai masalah dalam konteks penguatkuasaan dan pengawasan. Ia juga berkemungkinan besar menyebabkan tujuan hukuman tidak dapat dicapai⁸³. Oleh itu menjadi kewajipan bagi pihak berkuasa sesebuah negara menentukan lokasi pembuangan yang dapat mendokong objektif hukuman.

Pada era kesultanan Melayu, elemen pengawasan ini banyak dibantu oleh kepercayaan masyarakat terhadap kedudukan Raja. Raja merupakan ketua yang dipercayai mempunyai kuasa mutlak ke atas semua rakyat di bawahnya. Para Raja dianggap suci di bawah pengaruh Hindu, bahkan dianggap memiliki sifat dewa dan diperkuuhkan dengan pelbagai mitos dan keajaiban berkaitan dengan keturunan dan kedaulatan mereka.⁸⁴ Kepercayaan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain telah melahirkan kegerunan rakyat kepada kuasa raja sehingga melahirkan beberapa istilah yang sangat sinonim dengan kebesaran raja seperti ‘daulat’ dan ‘tulah’ raja. Rakyat tidak boleh mempermainkan perintah rajanya kerana takutkan kuasa daulat ini yang kemudiannya

⁸¹ Al-Raml, *Nihāyat al-Muhtāj*, 7: 228, al-Nawawi, *Rawdah al-Tālibīn*, 10:89

⁸² Al-Bujayrimi, *Hāsyiah al-Bujayrimi*, 4:212.

⁸³ Abd al-'Azīz Amīr, *al-Ta'zīr fi al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.t.), 391.

⁸⁴ Jelani Harun. “Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas: Karya Ketatanegaraan Melayu Yang Terakhir.” *Sari* 19 (2001), 134.

dikaitkan dengan konsep derhaka. Rakyat tidak boleh menyangkal titah Raja kerana perbuatan tersebut dikira menderhaka. Penderhaka dipercayai akan ditimpah musibah, antaranya ditimpah ‘*tulah*’ Raja (mungkin dalam bentuk sumpahan).⁸⁵ Ini telah membantu dalam penguatkuasaan sesuatu perintah yang dikeluarkan oleh seorang Raja dan menanamkan sifat kehambaan rakyat jelata.

Kedatangan Islam pula telah mengukuhkan lagi kepercayaan dan tanggapan yang wujud sebelum ini melalui konsep ketaatan kepada pemerintah sebagai sebahagian daripada ajarannya. Ini telah melahirkan ungkapan-ungkapan seperti Raja sebagai “bayangan tuhan di dunia” atau dalam Bahasa Arabnya “*Zillullāhū Fil ḥālām*” sebagaimana yang direkodkan oleh beberapa orang pengarang sejarah Melayu.⁸⁶ Konsep yang didasari oleh ajaran agama ini telah menjadikan ketaatan kepada pemerintah sebagai sebahagian daripada kehidupan rakyat yang beragama Islam.

PERKEMBANGAN MUTAKHIR

Menyedari masalah pengawasan yang longgar terhadap pesalah yang dibuang daerah dalam peruntukan undang-undang sebelum ini, kerajaan telah menambahbaik kaedah pelaksanaannya dengan memperketatkan syarat dan sekatan serta meningkatkan aspek pengawasan ke atas penjenayah yang dibuang daerah. Ini dilaksanakan melalui penggunaan peranti pengawasan elektronik (*electronic monitoring device* atau EMD).⁸⁷ Selepas memasukkan peruntukan mengenai pemakaian EMD di dalam POCA, elemen buang daerah yang dikatakan telah lapuk dan tidak sesuai dilaksanakan dalam suasana masyarakat pada hari ini telah mampu diimplementasikan semula dan menjadi satu elemen pencegahan jenayah yang berkesan. Penjenayah yang ditempatkan ditengah-tengah masyarakat bukan sahaja dapat dikawal dengan berkesan, bahkan kadar *recidivism* juga telah berjaya dikurangkan ke paras minimum.

⁸⁵ Bharuddin Che Pa, Institusi Raja dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam di Alam Melayu Nusantara dalam *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam* (Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan).

⁸⁶ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* (KL: DBP, 2008) 190.

⁸⁷ Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013.

Penggunaan EMD telah meningkatkan keberkesanannya dan pencapaian objektif buang daerah bagi mengekang penularan jenayah terutamanya jenayah terancang dan bersindiket. Dalam pengalaman negara-negara yang telah lama melaksanakannya seperti Singapura⁸⁸, Britain⁸⁹ dan Amerika Syarikat⁹⁰, penggunaan EMD sangat berkesan dalam mengurangkan jenayah berulang (*recidivisme*). Selain itu, penggunaan EMD juga telah menjadikan kerja-kerja pengawasan pihak polis dan pengawalan orang pengawasan polis (OPP) menjadi lebih efektif.⁹¹ Hal ini diakui sendiri oleh penjenayah yang telah dipasang dengan peranti tersebut.⁹² Selain itu, program-program khusus bagi menyokong usaha pemulihan ke atas orang yang dibuang daerah juga dilaksanakan. Program-program tersebut bertujuan membantu mereka menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat dan membantu proses pemulihan sebelum mereka kembali kepada kehidupan normal selepas menamatkan tempoh hukuman.⁹³

KESIMPULAN

Hukuman buang daerah dalam perundangan Islam pada awalnya telah dilaksanakan secara konvensional. Setelah itu pelaksanaannya telah dikembangkan kepada bentuk tahanan atau penjara. Perubahan ini disebabkan faktor-faktor sosial, geografi dan geopolitik yang mempengaruhi pencapaian objektif hukuman, sekali gus menuntut modifikasi kepada kaedah pelaksanaannya. Adalah jelas bahawa cara pelaksanaan yang dibincangkan di sini

⁸⁸ Ministry of Social and Family Development, *Probation Service Annual Report 2015* (Singapore: Ministry of Social and Family Development, 2015).

⁸⁹ Jenny Ardley, “The Theory, Development and Application of Electronic Monitoring in Britain,” *Internet Journal of Crime* (2005).

⁹⁰ National Institute of Justice, *Electronic Monitoring Reduces Recidivism* (US: National Institute of Justice, 2011).

⁹¹ “EMD: Cegah jenayah daripada berulang” dicapai pada 19 April 2017, m.utusan.com.my/berita/jenayah/emd-cegah-jenayah-daripada-berulang-1.75189.

⁹² “Pernah dibuang daerah, kini jutawan” dicapai pada 1 Mei 2017, <http://www.utusan.com.my/bisnes/usahawan/pernah-dibuang-8232-daerah-kini-jutawan-1.335508>

⁹³ <http://www.moha.gov.my> dibawah kata carian “Outreach”.

sangat berkait rapat dengan unsur tempatan dan persekitaran di mana ia dilaksanakan. Aspek-aspek sosiobudaya, nilai-nilai sosial dan keagamaan, perkembangan pesat berkaitan kemudahan pengangkutan dan teknologi komunikasi jelas telah memberi kesan dan cabaran kepada pelaksanaannya. Daripada perbincangan, dua pertimbangan utama yang perlu diambil kira dalam pelaksanaan hukuman buang daerah ini iaitu kesesuaian lokasi hukuman dan keadaan sosial masyarakat setempat serta keberkesanan pengawasan terhadap pesalah yang menjalani hukuman. Daripada pertimbangan terhadap dua perkara ini, didapati bahawa kaedah pelaksanaan hukuman buang daerah di Malaysia dalam konteks undang-undang semasa adalah wajar bagi memastikan objektif hukuman tercapai dan masih dalam ruang lingkup syariat Islam. Unsur kearifan lokal juga dapat dilihat dalam pelaksanaan hukuman ini di Malaysia yang mengadaptasi kemajuan teknologi semasa daripada pengalaman negara luar bagi menambah baik bentuk pelaksanaannya sesuai dengan konteks setempat. Kebijaksanaan dalam menyesuaikan bentuk pelaksanaan hukuman dalam konteks semasa dan setempat ini, telah memungkinkan pelaksanaan hukuman buang daerah dalam sistem perundangan Islam dapat dipastikan kekal relevan sepanjang zaman. Bahkan, ia juga secara tidak langsung telah memungkinkan pelaksanaan hukuman buang daerah dalam bentuk konvensional direalisasikan semula.

RUJUKAN

“Buang daerah hukuman lapuk-Kerajaan diminta kaji semula pelaksanaan ekoran kemajuan ICT”, dicapai pada 22 Nov 2016 dari laman sesawang [utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&d=050_9&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm#ixzz5PE2FCZpJ](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&d=050_9&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm#ixzz5PE2FCZpJ)

“EMD: Cegah jenayah daripada berulang” dicapai pada 19 April 2017 dari laman sesawang [utusan.com.my/berita/jenayah/175189](http://m.utusan.com.my/berita/jenayah/175189) /emd-cegah-jenayah-daripada-berulang-1.75189

“Kenyataan Media Kenyataan Kpn Berkaitan Pemansuhan Akta Kediaman Terhad 1933”, dicapai pada 27 Nov 2016 dari laman sesawang PDRM: <https://www.rmp.gov.my/newsdetail/2014/08/06/kenyataan-media-kenyataan-kpn-berkaitan-pemansuhan-akta-kediaman-terhad-1933>

“Pemansuhan Akta Kediaman Terhad” dicapai pada 27 Nov 2016 dari laman sesawang najibrazak.com: <https://www.najibrazak.com/bm/speeches/pemansuhan-akta-kediaman-terhad/>

“Pernah dibuang daerah, kini jutawan” dicapai pada 1 Mei 2017 dari laman sesayang utusan.com: <http://www.utusan.com.my/bisnes/usahawan/pernah-dibuang-8232-daerah-kini-jutawan-1.335508>.

“Salah EO Atau Kebetulan”, dicapai pada 24 Nov 2016, dari laman sesawang sinarharian.com: <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/salah-eo-atau-kebetulan-1.189203>

“Undang-Undang Baru Dirangka”, dicapai pada 25 Nov 2016, dari laman sesawang BN: <http://www.barisannasional.org.my/news/undang-undang-baru-dirangka>

Abd al-‘Azīz Amīr. *al-Ta‘zīr fi al-Shārī‘ah al-Islāmiyyah*. Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1998.

Abdul Kadir Haji Muhammad. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Abdullah Ghazali. “Pribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan di Malaysia” dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1995.

Abdullah Ghazali. “Sejarah Malaysia: Sorotan Masa Lalu, Iktibar Hari Ini dan Akan Datang”, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2007.

Abī Bakr ‘Uthmān Muḥammad Shāṭa‘ al-Dimyatī al-Bakrī, *Hāshiyah I‘ānah al-Tālibīn*. t.t.p.: Dār al-Kutub al-‘Arabiyyah, 1996.

Abu al-Hasan Burhānuddin ‘Ali al-Marghiyāni. *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadi*. Pakistan: Idārah al-Qur‘ān wa al-‘Ulūm al-Islāmiyyah, 1989.

- Abū al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjāj. *Sahīh Muslim*. Riyād: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 1998.
- Abu Bakr Aḥmad Bin ‘Ali al-Rāzi Al-Jaṣṣāṣ. *Ahkām al-Qur’ān*. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1405H.
- Abu Hassan Syam. *Hukum Kanun Melaka*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 1995.
- Abu ‘Īsa at-Tirmidhi. *al-Jāmi‘ al-Kabīr*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmi, 1998.
- Abū Ishaq Ibn Ibrāhīm al-Shirāzī. *al-Muhaḍhdhab*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992.
- Ahmad Mukhtar Abdul Hamid Umar. *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘āṣirah*. Qāhirah: ‘Ālam al-Kitāb, 2008.
- Al-Bujayrīmi. *Ḥāsyiyah al-Bujayrīmi ‘Ala Sharḥ Manhāj al-Tullāb*. Turki: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1983.
- Al-Dāmiri, Muhammad Ibn Mūsa Ibn ‘Īsa. *al-Najm al-Wahhāj fī Sharḥ al-Minhāj*. Dār al-Minhāj, 2004.
- ‘Ali bin Muḥammad al-Māwardi. *al-Ḥāwi al-Kabīr fī Fiqh al-Madhab al-Imām al-Shāfi‘i*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.
- Al-Jazīri, Abd al-Rahmān Bin Muḥammad ‘Awd. *Kitāb al-Fiqh ‘Ala al-Madhabīn al-Arba‘ah*. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1998.
- Al-Maqdisi, Ibn Qudāmah. *Al-Mughnī*. Al-Qāhirah: Hajar, 1992.
- Al-Marbāwi, Muhammad Idris Bin Abdul Rauf. *Qāmūs Idrīs al-Marbāwi*. Miṣr: Dār al-Fikr, 1354H.
- Al-Mubārakfūri. *Tuhfat al-Āḥwadhi Bi Sharḥ Jami‘ at-Tirmīdhi*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1981.
- Al-Zayla‘i. *Tabyīn al-Ḥaqā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq*. Miṣr: al-Maṭba‘ah al-Kubra al-Emīriyyah, 1313H.
- Anwarullah. *The Criminal Law Of Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1997.
- Bharuddin Che Pa. Institusi Raja dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam di Alam Melayu Nusantara. *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

- Fadilah Hj. Abd. Rahman. "Hukuman Buang Daerah Berdasarkan Realiti Hari Ini." *Jurnal Fikrah* 2 (1999).
- Ibn 'Uthaymīn. *al-Sharḥ al-Mumti'* 'Ala Zād al-Mustaqni'. Arab Saudi: Dār Ibn al-Jawzi, 1427H.
- Ibn 'Abd al-Bar. *Al-Tamhīd li ma fi al-Muwaṭṭa' min al-Ma'āni wa al-Asānid*. Maghribi: Wizārah 'Umūm al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1387H.
- Ibn 'ābidīn. *Hāsyiyah Radd al-Mukhtār 'ala al-Durr al-Mukhtār*. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1992.
- Ibn Manzūr. *Lisān al-'Arab*. Qāhirah: Dār al-Ma'ārif, t. t.
- Ibn Nujaym. *Bahr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Jelani Harun. "Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas: Karya Ketatanegaraan Melayu Yang Terakhir." *Sari* 19 (2001).
- Jenny Ardley. "The Theory, Development and Application of Electronic Monitoring in Britain." *Internet Journal of Crime* (2005).
- John E. Kempee dan R.O Winstedt. "A Malay Legal Digest Compiled For 'Abd al-Ghafur Muhyu'd-din Shah Sultan Of Pahang 1592-1614 A.D With Undated Edition, JMBRAS, Vol. 21, 1648, 1948.
- Liaw Yock Fang. *Undang-Undang Melaka*. The Hague: Koninklijk Instituut, 1976.
- Majma` al-Lughah al-'Arabiyyah Jumhūriyyah Miṣr al-'Arabiyyah. *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Qāhirah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah, 2004.
- Mansūr bin Yūnus al-Bahūtia. *Kasasyāf al-Qinā'* 'an Matn al-Iqnā'. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1982.
- Ministry of Social and Family Development. *Probation Service Annual Report*. Singapore: Ministry of Social and Family Development, 2015.

- Mohd Izzuddin Ramli dan Mohamad Zaini Abu Bakar. "Kearifan Tempatan dalam Institusi Sekolah Pondok: Kajian Kes Malaysia" (Makalah, Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2013, "Memperkuatkan Kearifan Tempatan Ke Arah Pengantarabangsaan", Sutra Beach Resort, Terengganu, 6-7 Oktober 2013).
- Muhammad Abu Zahrah. *al-Jarīmah wa al-'Uqūbah: al-'Uqūbah*. Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabi (t.t).
- Muhammad al-Dusūqi. *Hāsyiyah al-Dusūqi 'Ala Sharh al-Kabīr*. Qāhirah: Dār al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1989.
- Muhammad al-Khāṭib al-Sharbīnī. *al-Iqnā' fi Ḥill Alfāz Abi Syujā'*. Bangkok: Maktabah wa Maṭba'ah Muḥammad al-Nahri wa Awlādihi, 1993.
- Muhammad al-Khāṭib al-Sharbīnī. *Mughnī al-Muhtāj ila Ma'rifat Ma'āni Alfāz al-Minhāj*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 1997.
- Muhammad bin Aḥmad al-Ramli. *Nihāyat al-Muhtāj ilā Sharh al-Minhāj*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- Muhammad Firdaus Nurul Huda. *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam*. Selangor: Thinker's Library, 2002.
- Muhammad Sālim el-Awa. *Fi Uṣūl al-Nizām al-Jinā'i al-Islāmi*. Miṣr: Nahḍah Miṣr, 2006.
- Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā & 'Alī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhājī 'ala Madhāhib al-Imām al-Shāfi'ī* (Dimashq: Dār al-Qalam, 1996).
- National Institute of Justice. *Electronic Monitoring Reduces Recidivism*. US: National Institute of Justice, 2011.
- Nurdin Husin, Shakimah Che Hasbullah. "Pentadbiran kolonial Inggeris di Negeri-negeri Selat dan usaha membentras jenayah". *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space 7 Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development* (2011).
- Nurul Ilyana Muhd Adnan. Analisis Teks Kanun Johor 1789 Berasaskan Perspektif Hukum Islam. Disertasi Sarjana Universiti Malaya, 2005.
- Othman Hj Khalid, et.al. *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

- Paizah Hj Ismail. "Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia." *Jurnal Fiqh* 4 (2007).
- Qal'ah Jī, Muhammad Rawas. *Mawsū'ah Fiqh 'Ali Bin Abi Ṭālib*. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1983.
- Restricted Residence Act 1933 (Revised 1989) dicapai pada 27 Nov 2016 dari laman sesawang Commonwealth Legal Information Institute: http://www.commonlii.org/my/legis/consol_act/rra1933198_9280/
- Sahnūn Bin Sa'īd al-Tanūkhiy. *al-Mudawwanah al-Kubra*. Saudi: Wizārah al-Shu'ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf wa al-Dā'wah wa al-Irsyād (t.t).
- Samad Ahmad. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Shams al-Dīn al-Sarakhsī. *al-Mabsūt*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 1978.
- The Asiatic Journal And Monthly Register For British India And Its Dependencies (1823), Vol XVI (July To December 1823), London: Cox And Baylis.
- Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah. *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1990.
- Yahya bin Syaraf al-Nawawi. *Rawdah al-Ṭālibīn*. al-Riyād: Dār 'ālam al-Kutub, 2003.
- Zanariah Dimon. Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2004.

